



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 02 April 2026

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2026**

PENGEHADAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN BERTUGAS RASMI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jabatan Arah (MJA) Bil. 2/2026 bertarikh 11 Mac 2026 telah bersetuju melaksanakan langkah penjimatan berdasarkan arahan Jemaah Menteri berikutan ketegangan di Asia Barat dengan menetapkan lawatan dan kunjungan ke luar negara dihadkan kepada mesyuarat berjadual yang wajib dihadiri.

3. Sehubungan itu, MJA berkenaan telah bersetuju memberikan kelulusan bersyarat (conditional approval) bagi kesemua kertas permohonan lawatan ke luar negara LGM, di mana kelulusan penuh tertakluk kepada pertimbangan dan sokongan bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

4. Berkuat kuasa serta merta, semua pegawai dan pekhidmat yang menerima arahan untuk bertugas rasmi ke luar negara hendaklah melengkapkan Borang UPSM/C/2 dan mendapatkan kelulusan Pegawai Pelulus berikut:

Pemohon	Pegawai Pelulus	
	Asal	Semasa
Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Bahagian LGM	Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)	Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
Ketua Unit/Pegawai LGM	Ketua Pengarah	

5. Sehubungan itu, semua Pegawai dan Pehidmat LGM diminta untuk mengambil maklum perkara ini.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

Saya yang menjalankan amanah,

(EMILIA BINTI KASSIM)